

Periksa 96 lokasi

ERMA YUSNIDA JUSOH

10/06/2017
Sinar Harian

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Pahang melakukan pemeriksaan ke 96 lokasi bazar melibatkan 5,510 peniaga sepanjang Ramadan.

Pengarahnya, Sharudin Jali berkata, pemeriksaan yang dijalankan secara berkala bersama agensi lain itu bermula pada hari pertama puasa dan berakhir 24 Jun ini.

Menurutnya, sepanjang Ramadan, seramai 168 anggota penguat kuasa dan 88 pegawai pemantau harga KPDNKK ditugaskan untuk melakukan pemeriksaan di bazar Ramadan.

"Setakat ini kita berpuas hati dengan peniaga yang berniaga di bazar yang ada di seluruh negeri.

"Tiada aduan yang diterima kerana semua agensi berkaitan saling bekerjasama menyalurkan maklumat. Jadi, setakat ini, tiada kes membabitkan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," kata-



Sharudin (kanan) melawat gerai kulh-muih di Bazar Ramadan Mahkota Square dalam operasi bersepadu yang dijalankan.

nya kepada media selepas Operasi Bersepadu di Bazar Ramadan Mahkota Square, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kawalan Peniagaan dan Pelesenan MPK, Suris Minhat.

Sharudin berkata, kebanyakan peniaga bazar tahun ini terdiri daripada peniaga yang pernah berniaga pada tahun sebelumnya menyebabkan mereka faham mengenai peraturan yang ditetapkan.

Dalam perkembangan lain, Sharudin berkata, orang ramai tidak perlu bimbang mengenai harga bekalan barang keperluan menjelang hari raya kerana skim kawalan harga bagi barangan terpilih akan diumumkan tidak lama lagi.

"Dari segi bekalan barangan pula, setakat ini tiada masalah bekalan yang timbul bagaimana pun, KPDNKK akan sentiasa memantau dari semasa ke semasa," katanya.